



**PM, isteri hadir
konsert Orkestra
Filharmonik**

BH - 14/1/2019 m/s: 7

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa menyaksikan Konsert Tahun Baharu 2019 (Neujahrskonzert) di Dewan Filharmonik Petronas di Kuala Lumpur, kelmarin. Konsert anjuran Allianz Malaysia, Kedutaan Jerman di Malaysia dan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC) itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali. Seramai 800 tetamu termasuk Duta Besar Jerman, Nikolaus Graf Lambsdorff (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, Joseph Gross (dua dari kiri), menghadiri konsert persembahan Orkestra Filharmonik Malaysia yang mendendangkan muzik klasik Jerman.